

11 JAN 1996

EKSPORT LEBIH BANYAK KELUARAN TEMPATAN, KATA AHLI EKONOMI

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Ahli-ahli ekonomi pada amnya bersetuju dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa penyelesaian terbaik untuk membetulkan defisit imbangan pembayaran (BOP) ialah dengan mengeksport dengan lebih banyak lagi.

Mereka berkata BOP yang semakin meluas, pada masa sekarang bukanlah satu masalah struktural, tetapi langkah-langkah yang sesuai mesti diambil sebelum ia menjadi lebih meruncing.

Mereka berkata demikian pada Sidang Meja Bulat Ahli-ahli Ekonomi di Forum Ekonomi Kebangsaan 1996 yang bertemakan Pengurangan Defisit Imbangan Pembayaran

- Cabaran dan Tindak Balas" di sini hari ini.

Forum itu yang dianjurkan oleh Institut Kepimpinan dan Strategi Asia telah dirasmikan oleh perdana menteri.

Anggota panel pada perbincangan sidang meja bulat ialah Dr R. Thillainathan, pengarah kewangan Genting Bhd, Dr Tan Tat Wai, pengarah urusan Southern Steel Bhd, Professor Jomo KS dari Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, Dr Pang Teck Wai, pengarah sekutu kanan Institut bagi Kajian Pembangunan (Sabah), Dr Ghazali Atan ahli ekonomi MBF Unit Trust Management Bhd, dan Martin Khor, pengarah penyelidikan Persatuan Pengguna Pulau Pinang.

Antara penyelesaian yang paling penting untuk memperbaiki defisit BOP, seperti yang dicadangkan oleh ahli-ahli ekonomi, ialah mengeksport lebih banyak keluaran tempatan dengan menghasilkan jenama sendiri, mempertingkatkan mutu dan menceburi industri yang berisiko tinggi, kata Tan Tat Wai.

Dr Pang Teck Wai pula menyokong saranan Tat Wai iaitu lebih banyak keluaran tempatan boleh dieksport dan bersaing di peringkat antarabangsa.

Dr Ghazali berkata dalam menerajui Malaysia ke arah negara perindustrian, negara ini telah menarik dan menjadi penerima besar pelaburan asing secara langsung.

Pada akhirnya, katanya, Malaysia menjadi penyedia modal, dan tidak lagi penerima modal kerana keuntungan yang diperolehi di negara ini dibawa pulang ke seberang laut.

Ini merupakan salah satu daripada sumbangan besar kepada defisit BOP dalam sektor perkhidmatan, katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak pula menyarankan dasar untuk tidak menggalakkan pelaburan asing secara langsung, tetapi sebaliknya katanya negara ini boleh mengambil kesempatan sepenuhnya daripada pelaburan asing itu. -- BERNAMA